

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, August 15, 2019 9:59 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Pelantikan Pelajar Dalam Senat Bantu Pembangunan Universiti



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

15 OGOS 2019 / 14 ZULHIJAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Azizi Arif

PELANTIKAN PELAJAR DALAM SENAT BANTU PEMBANGUNAN UNIVERSITI



UUM ONLINE: Menyahut hasrat Menteri Pendidikan untuk memperkasakan penglibatan pelajar dalam pengurusan universiti, UUM telah melantik dua pelajar dari Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sebagai Ahli Turut Hadir Mesyuarat Senat.

Penyerahan surat lantikan kepada Timbalan Yang Dipertua 1, Mohd Anwar Seeni Abd. Kathar dan Naib Yang Dipertua 1, Mohd Khairil Abdul Karim disempurnakan Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani di Balai Tamu, tengah hari tadi.

Prof. Dr. Ahmad Bashawir berkata, selaras dengan subseksyen 20(2) Perlembagaan UUM telah melantik dua ahli MPP sebagai Ahli Turut Hadir Senat yang mana ia merupakan satu

sejarah kepada UUM kerana universiti tidak pernah lagi melantik mana-mana pelajar untuk menjadi ahli dalam Senat Universiti.

Menurutnya, Senat Universiti merupakan badan berkuasa tertinggi dalam semua universiti di seluruh negara ini yang bertanggungjawab ke atas arahan am di universiti.

Katanya, jika selama ini Senat hanya membahaskan isu-isu berkaitan akademik sahaja, kini dengan adanya lantikan pelajar sebagai Ahli Turut Hadir Senat, isu-isu berkaitan pelajar akan dapat dibincangkan dengan lebih mendalam lagi pada Mesyuarat Senat nanti.

"Justeru, jadikan Senat sebagai tempat untuk berkongsi pandangan dan idea bagi membantu membangunkan universiti, tambahan pula kini universiti sedang menuju ke arah *digital campus*, jadi peranan mereka sebagai orang muda diperlukan untuk memudahkan universiti bergerak seiring dengan era digital.

"Pelantikan ini secara tidak langsung telah memberi ruang dan peluang kepada pelajar untuk terlibat dengan lebih dekat dalam pengurusan universiti atau menjadi *part of governing body*," katanya pada Majlis Penyerahan Surat Pelantikan MPP Sebagai Ahli Turut Hadir Senat.

Beliau berkata, peluang itu juga jangan disalah gunakan bagi tujuan berpolitik tetapi lebih fokuskan kepada pembangunan universiti kerana beliau mahu meletakkan dasar yang betul untuk menjadikan UUM sebagai Universiti Pengurusan Terkemuka.

Sehubungan itu, menurutnya, peranan pelajar dalam Senat adalah untuk bersama-sama berfikir ke hadapan tentang hala tuju universiti dan langkah membantu pelajar dalam keadaan ekonomi negara sekarang.

"Pelantikan dua ahli MPP ini di dalam Senat berkuat kuasa pada 15 Ogos sehingga tamat tempoh mereka menyandang jawatan dalam MPP.

"Saya berharap dengan pelantikan itu, mereka dapat memberikan komitmen dan sumbangan idea terhadap perkembangan universiti, malah pembabitan mereka akan membawa universiti ke tahap lebih tinggi lagi," katanya.

Sementara itu, Mohd Anwar berkata, dia akan sedaya upaya untuk membantu universiti dengan membawa semua buah fikiran dan idea untuk memantapkan lagi sistem akademik khususnya di dalam universiti ini.

Menurutnya, besar harapannya untuk membawa suara pelajar dan pendapat berkaitan akademik, seterusnya kebolehpasaran graduan untuk masa depan pelajar UUM agar sistem pendidikan negara terus berkembang maju.



Please consider the environment before printing this e-mail



AACSB
ACCREDITED



ASSOCIATION
AMBA
ACCREDITED



Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.